

Perhimpunan paling berjaya

KUALA LUMPUR. Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Perhimpunan Agung Umno ke-38 yang berakhir hari ini, sebagai paling berjaya kerana kematangan dan bernasnya perbincangan disampaikan oleh perwakilan.

Presiden Umno berkata, pembahas yang mewakili setiap negeri dalam membahas tiga usul berjaya mengemukakan hujah yang bermutu berasaskan kajian.

"Saya ucapkan tahniah kerana ternampak kualiti dalam ucapan mereka. Semuanya membuat penyelidikan. Nampak gesaan kerajaan diadakan R & D disambut baik oleh jurucakap (pembahas)," katanya ketika mengulung perbincangan, petang ini.

Sambil berjenaka, Dr Mahathir juga gembira kerana hujah turut dipetik dari falsafah Tamil dan istilah Mandarin.

"Tak tahulah kalau dia

Oleh Ibrahim Yahaya, Manja Ismail, Lichong Angkui, Kamal Ahmad, Mohd Shah Abdullah, Rosmin Darus, M Thilindan, Izman Ismail, Faizal Fadzil, Ebi Azly Abdullah, Nurul Adlina Kamaludin, Salina Abdullah, Karim Mustafa, Shahnun Hanif, Ahmad Naim Tahir, Samsarina Salfudin dan Zurinawaty Bakri.
Gambar oleh Kamaruddin Ahmad, Hazli Hassan, Zulkepli Othman, Hassan Ismail, Zain Ahmed, Mohd Said Samad dan Rosli Rahmat.

bohong dalam bahasa Tamil. Mana kita nak tahu, tapi sedap juga bunyi...betul-betul bunyi Tamil. Saya tanya YAB Menteri Besar Perak, dia kata betul, dia tahu bahasa Tamil. Saya punya bahasa Tamil terhad.. Arugerah dan Poochi," katanya sambil diikuti dengan ketawa perwakilan.

Beliau juga mendapat tahu pembahas membuat persediaan lebih awal.

"Ramai (pembahas)

yang nampak membuat persediaan awal-awal lagi walaupun yang membahas berkenaan usul pertama iaitu usul ucapan dasar Presiden ini tidak tahu isi kandungan ucapan Presiden kerana pagi Presiden membuat ucapan, petang dia kena mula perbincangan. "Tetapi nampak dia sudah membaca fikiran saya. Saya ucapkan tahniah dan ucapan tahniah juga sebenarnya pujian kepada mereka

kerana menaikkan kualiti (perbincangan).

"Sekarang ini kita lebih mengutamakan kualiti daripada kuantiti. Begitu pun kita mahu kuantiti, kuantiti pun kita hendak, kebaikan pun kita hendak. "Mereka telah berusaha (membuat kajian) dengan cukup dan saya memberi satu kalungan bunga kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, bilangan pembahas wanita semakin ramai tahun ini.

Sambil berjenaka, Dr Mahathir berkata: "Barangkali juga dekat-dekat dengan pilihan raya kerana sesetengah pengundi kita adalah wanita. Tapi ada juga boo sendiri... tapi itu boo sayang bukan boo marah. "Tidak mengapa kerana kadang-kadang kita perlukan tenaga wanita, kalau bukan dalam politik, dalam bidang lain," katanya dengan nada jenaka dan diikuti ketawa perwakilan.